

Tahun Pemulihan

MEMBINA SEBUAH GEREJA SEL YANG MENGONGSIKAN YESUS DAN MENYENTUH HIDUP
MELALUI PEMURIDAN YANG SENTIASA BERTUMBUH DALAM KASIH KEPADA ALLAH DAN SESAMA MANUSIA

PESANAN PADERI | 23 SEPTEMBER 2018 | MINGGU KE-17 SELEPAS TRINITI

Salah satu persoalan dalam hidup ialah bagaimana kehidupan kita apabila hampir sampai ke penghujung hidup. Kita sering kali menggunakan ilustrasi tentang gelas yang separuh penuh untuk menilai sikap kita. Adakah ianya separuh kosong atau separuh penuh?

Erwin Raphael McManus, seorang penulis yang terkenal, artis dan juga pengasas kepada MOSAIC, telah menulis sebuah buku yang disebut 'The Last Arrow' yang berkisar tentang iman yang bersangkutan paut dengan komuniti. Ketika dia hampir selesai menulis bukunya, dia telah diagnosis dengan kanser. Dia terpaksa menghadapi semua soalan yang beliau tanya kepada pembacanya. Bagaimana anda menghidupi kehidupan anda? Ketika berhadapan dengan kematian, adakah anda hidup tanpa rasa takut atau menyesal. Adakah anda telah menikmati kehidupan anda sepenuhnya pada hari ini tanpa menyimpan sedikit pun untuk kehidupan masa hadapan.

McManus berkata, " Saya telah memilih untuk mengakhiri kehidupan saya dengan pedang di tangan saya. Ada lebih keberanian dalam hidup saya berbanding dengan bahaya yang ada di depan. Anda sangat kuat untuk menempuhnya. Fokus utama dalam buku ini adalah agar anda tidak akan menyerah, tidak putus asa, dan tidak menyimpan sedikit pun untuk kehidupan di masa hadapan. BIARLAH ANDA MATI TANPA ADA RASA TAKUT, BIARLAH ANDA MATI DENGAN HATI YANG RELA".

Kehidupan merupakan sebuah pengembaraan yang penuh dengan cabaran dan kejutan. Sebagai pengikut Yesus kita mengetahui bahawa panggilan kita adalah untuk menjadi laskar Kristus, mari kita menikmati kehidupan kita sepenuhnya yang telah Dia berikan kepada kita sebagai tanda kasih-Nya kepada kita yang telah memberi kita keselamatan. Janganlah kita mengharapkan apa-apa, demikian juga terhadap hidup kita.

Karena bagiku hidup adalah Kristus dan mati adalah keuntungan. Tetapi jika aku harus hidup di dunia ini, itu berarti bagiku bekerja memberi buah. Jadi mana yang harus kupilih, aku tidak tahu. Filipi 1:21-22. Marilah kita berkerja dan melayani Tuhan dan Juruselamat kita dengan setia.